

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/10/22 - 71

LHDNM ANJURKAN SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN (SPK) 2020 SECARA DALAM TALIAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) akan menganjurkan Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK) 2020 secara dalam talian menerusi kaedah *live streaming* bermula 12 hingga 23 November 2020.

Penganjuran seminar ini adalah bertujuan untuk memberikan para peserta maklumat terkini dan pemahaman yang lebih jelas berkaitan sebarang pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 serta akta-akta berkaitan yang dibentangkan melalui Belanjawan 2021. Sebanyak 6 sesi seminar akan diadakan seperti berikut: -

Sesi	Tarikh
Sesi 1	12 November 2020 (Khamis)
Sesi 2	16 November 2020 (Isnin)
Sesi 3	17 November 2020 (Selasa)
Sesi 4	18 November 2020 (Rabu)
Sesi 5	19 November 2020 (Khamis)
Sesi 6	23 November 2020 (Isnin)

Pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian mulai 20 Oktober 2020 melalui portal <https://spk.hasil.gov.my/> dengan yuran penyertaan sebanyak RM180 seorang. Seminar akan dijalankan menggunakan aplikasi ZOOM dan akan membariskan para penceramah berpengalaman yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan LHDNM bagi mengupas topik “2021 Budget Proposals”.

Semua pengamal cukai, perunding cukai, ejen cukai, akauntan, juru audit, perancang kewangan, peguam bela dan peguam cara, pengarah syarikat, setiausaha syarikat, pensyarah, ahli akademik dan individu-individu yang berminat sangat dialu-alukan untuk menghadiri seminar ini.

Sebarang pertanyaan berkenaan SPK 2020 boleh diajukan kepada Sekretariat SPK 2020 melalui e-mel spkhasil@hasil.gov.my.

Jangan ketinggalan! Tempat adalah terhad! Ayuh sertai kami!

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



**Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 22 Oktober 2020



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 2